



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF**  
**CHIEF EXECUTIVE**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
Skills Development Fund Corporation  
Kementerian Sumber Manusia  
Ministry of Human Resources  
Pejabat Ketua Eksekutif  
Aras 27, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)  
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4051 6009  
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my  
Laman Web : http://www.ptpk.gov.my

Ruj. Kami : PTPK.D.100-3/4 JLD 17 ( 32 )  
Tarikh : 7 Julai 2025

**Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus  
Penyedia Latihan**

YBhg. Tan Sri/Datuk/ Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**CADANGAN SEMAKAN SEMULA KRITERIA PENGAGIHAN DANA  
LATIHAN KEMAHIRAN OLEH PERBADANAN TABUNG  
PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) berhasrat untuk menyemak semula pembiayaan program latihan kemahiran dengan memperkenalkan syarat kapasiti seperti berikut:

- (i) Pembiayaan kepada program memperolehi penarafan sekurang-kuranya 3 bintang dan ke atas;
- (ii) hanya membiayai program yang memperolehi kutipan bayaran balik melebihi 25%;
- (iii) Pembiayaan kepada Penyedia Latihan yang telah melebihi 1 tahun;
- (iv) Pembiayaan kepada program latihan kemahiran tahap 3 dan ke atas atau secara *single-tier*;
- (v) Pinjaman/ pembiayaan pada program yang tidak ditawarkan/ dilaksanakan di Institusi Latihan Awam secara percuma.

(Muka 1 dari 3)

(Sila Catatkan Rujukan Jabatan Ini Apabila Menjawab)



CADANGAN SEMAKAN SEMULA KRITERIA PENGAGIHAN DANA LATIHAN KEMAHIRAN OLEH PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

---

3. Sebelum cadangan ini dilaksanakan, maklum balas daripada pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan amatlah dialukan dengan memberikan maklum balas dalam soal selidik yang boleh diakses melalui laman sesawang PTPK atau pautan seperti di **Lampiran A**.
4. Mohon kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan untuk melengkapkan dan menghantar soal selidik tersebut **sebelum atau pada 20 Julai 2025 (Ahad)**. Maklum balas yang diberikan amat penting bagi membantu PTPK membuat penilaian dasar secara menyeluruh agar strategi pembiayaan latihan kemahiran PTPK, ke arah membentuk ekosistem pembangunan modal insan yang mampan, responsif dan relevan dengan keperluan pasaran semasa dan masa hadapan.
5. Untuk maklumat lanjut, boleh menghubungi pegawai saya Puan Mek Eshah binti Awang di talian 03-4051 6012 atau Puan Nur Aisyah binti Midhal di talian 03-4051 6013 atau Puan Norzihan binti Hamidin di talian 03-4051 6015.

Segala perhatian dan kerjasama yang YBhg. Tan Sri/Datuk/ Dato'/Dr./Tuan/Puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Pekerja Kesuma Bangsa”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)**

**LAMPIRAN A**

**CADANGAN SEMAKAN SEMULA KRITERIA PENGAGIHAN DANA LATIHAN KEMAHIRAN OLEH PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

Sila imbas kod QR ini untuk Kajian Soal Selidik



atau

Isikan dipautan <https://forms.office.com/r/AkePL8YeTR>

**Selewat-lewatnya pada 20 Julai 2025 (Ahad).**